Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)
International Journal of Malay Letters
Jilid 7/Jan/2019, 1-17
ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia
Budiman Writers Association of Malaysia

SEJARAH PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DI PATANI SELATAN THAI
THE HISTORY OF MALAY LANGUAGE EDUCATION IN SOUTHERN THAILAND

Phaosan Jehwae
Jabatan Pendidikan Bahasa Melayu,
Faculty of Education, University Fatoni of Thailand
fazdany@hotmail.com

ABSTRAK

Sejarah pendidikan bahasa Melayu di Patani, Selatan Thai mengalami pasang surut tergantung perkembangan politik di Thailand. Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa terpenting di Patani dan digunakan dalam pelbagai situasi baik rasmi mahupun tidak rasmi. Bahasa Melayu menjadi bahasa penting dalam sistem pendidikan pondok. Sejak Patani jatuh di bawah pemerintahan Siam, kemudian diubah kepada nama Thailand, bahasa Melayu mengalami perubahan sehingga kualiti menurun. Bahasa Melayu bukan menjadi bahasa utama dalam sistem pendidikan di Patani, tetapi sekadar menjadi salah satu subjek dalam kurukulum Islam yang diajar di sekolah kerajaan dan menjadi salah satu subjek wajib di sekolah pondok Patani. Walau bagaimanapun, perjuangan untuk memartabatkan pendidikan bahasa Melayu tidak pernah sunyi. Pada akhir-akhir tahun 2000, yang merupakan era kebangkitan, pendidikan bahasa Melayu mulai diperhatikan oleh semua golongan termasuk juga kerajaan Thai. Kerajaan Thai telah membuka peluang yang agak luas dalam penggunaan bahasa Melayu, seperti dalam siaran radio dan televisyen, papan iklan, rancangan kursus bahasa Melayu, peruntukan untuk tenaga pengajar bahasa Melayu di beberapa universiti. Malah rancangan

sekolah dwibahasa telah pun dilaksanakan di tiga wilayah Selatan Thai.
Kata Kunci: Bahasa Melayu, Bahasa Melayu Patani, selatan Thailand

ABSTRACT

The history of Malay language education in Patani, South Thai is experiencing volatility in political developments in Thailand. The Malay language was once the most important language in Patani and was used in various official or unofficial situations. Malay became an important language in the cottage education system in Patani until Malay. Since Patani fell under the Siamese rule then changed the name of Thailand, the Malay language changed to the worst. The Malay language is not the main language in Patani's educational system but is simply a misleading subject in Islamic scholarship that is taught in government schools and becomes one of the mandatory subjects in Patani hut schools. However, the struggle to uphold the education of the Malay language has never been silent. In the late 2000s, which was an era of awakening, the education of the Malay language began to be observed by all groups including the Thai government. The Thai government has provided a wide opportunity for the use of Malay language, such as the use of Malay language in radio and television broadcasting, billboards, arrangement of Malay language courses, provision of Malay language instructors in several universities as well as bilingual school plans have been implemented in three southern Thai provinces.
Keyword: Malay language, Malay language of Patani, southern of Thailand

PENDAHALUAN

Bahagian ini memberikan gambaran secara penyeluruhan tentang pentingnya sesuatu bahasa itu dalam kehidupan mereka. Bahasa Melayu adalah bahasa majoriti penduduk di Patani. Bahasa Melayu

menjadi bahasa ibunda bangsa Melayu di lima wilayah bekas kesultanan Patani. Bangsa Melayu Patani merupakan bangsa minoriti di Thailand kerana majoriti masyarakat di Thailand berbangsa Siam dan berbahasa Thai. Bangsa Melayu menjadi penduduk majoriti dalam minoriti, mereka menjadi penduduk majoriti di lima wilayah sempadan Thai tetapi mereka menjadi penduduk minoriti di Negara Thai. Menurut Paitoon (2005:53), sekitar 75 peratus[1] daripada penduduk di lima wilayah selatan Thai beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan patuh kepada adat resam Melayu.

Bahasa dan kebudayaan Melayu di Patani mengalami perubahan sejak kerajaan Thai menyerapkan dasar Siamisasi seluruh wilayah jajahannya. Dasar Siamisasi yang mewajibkan seluruh rakyat Thai menggunakan bahasa Thai dalam semua sekolah rendah di Negara Thai. Sejak dasar Siamisasi[2] itu, ada kekuatiran terhadap perkembangan bahasa Melayu di Patani khususnya berkaitan dengan pengaruh bahasa Thai. Pengaruh bahasa Thai yang begitu kuat ke atas bahasa Melayu menyebabkan terjadi pemerosotan kemahiran dalam bahasa Melayu. Ahmad Fathi (2001:209) mengatakan kedudukan bahasa Melayu di Patani semakin hari semakin merosok. Bahasa Melayu hanya digunakan sebagai bahasa komunikasi seharian, bahasa dalam upacara keagamaan dan bahasa pengantar bidang agama Islam di sekolah pondok. Bahasa Melayu tidak digunakan lagi dalam urusan rasmi dengan kerajaan, media massa, papan tanda, dan penggunaan

[1] Jumlah 75% adalah terdiri daripada lima wilayah, iaitu wilayah Pattani, wilayah Yala, wilayah Narathiwata, wilayah Songkla dan wilayah Setul. Menurut hasil penyelidikan Pusat Tentera wilayah empat, jumlah penduduk bangsa Melayu di lima wilayah Selatan Thai atau bekas wilayah kesultanan Patani adalah sekitar lima sampai enam juta.

[2] Dasar Siamisasi adalah sebuah dasar politik yang dipelopori oleh Phibul Songkram yang bertujuan mengsiamkan seluruh suku bangsa yang ada di seluruh negara Thai. Dasar Siamisasi kepada semua aspek termasuk juga aspek bahasa, budaya dan bangsa. Impak negative daripada dasar itu telah menyebabkan terjadi kepupusan bahasa-bahasa suku bangsa di negara Thai termasuk juga sekolah-sekolah beraliran Cina.

bahasa Melayu terhad, iaitu digunakan sesama bangsa Melayu Patani sahaja.

Latar Belakang Sejarah Patani

Sejarah patani menunjukkan sejak Negara Langkasuka sehingga Negara Patani Darussalam, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi kerajaan. Kerajaan Patani menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pemerintahan, bahasa pendidikan, bahasa undang-undang, bahasa perdagangan dan bahasa diplomasi. Latar belakang sejarah Patani sangat rapat hubungannya dengan penyelidikan ini. Selama pemerintahan kesulatanan Patani sehingga era penjajahan Patani di bawah Siam, bahasa Melayu senantiasa menjadi isu yang sangat penting. Dalam sejarah Patani, bahasa Melayu bukan sekadar sebuah bahasa rasmi atau bahasa komunikasi tetapi bahasa Melayu diiktirafkan sama dengan agama Islam. Patani, agama Islam dan bahasa Melayu menjadi fenomena yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama yang lain.

Patani Darussalam, terletak di pantai timur semenanjung Malaysia berjiran dengan negeri Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan sebelah utaranya berdekatan dengan negeri Siam. Kedudukan Patani di semenanjung Siam sangat strategik dari segi geografi, menyebabkan negeri ini menjadi tumpuan pedagang-pedagang asing baik dari Barat mahupun Timur untuk singgah sama ada untuk beristirahat ataupun berdagang. Dalam waktu yang sangat singkat, Patani telah muncul sebagai sebuah negara yang penting dan maju dari segi ekonomi serta stabil dari segi politik dan pemerintahan. Dasar hubungan antarabangsa yang baik telah menyelamatkan Patani daripada penjajahan Siam dan Barat khususnya Portugis dan Belanda. Patani dipercayai merupakan negara Islam pertama di Asia Tenggara, kira-kira pada abad 10 M, namun baru terkenal sebagai pusat kegiatan Islam dan perdagangan dunia pada abad 16 M. Masuknya agama Islam di Patani membawa Patani lebih dikenal dan lebih kukuh politiknya pada peringkat antarabangsa (Mohd. Zamberi, 2006:32).

Sebelum terbentuknya kerajaan Islam Melayu Patani, kerajaan ini dikenal dengan nama Langkasuka, sebuah kerajaan Melayu tertua di Semenanjung Melayu. Langkasuka menjadi pusat tamadun Melayu yang tinggi di Nusantara. Pelbagai pembangunan infrastruktur telah dibina, perkembangan budaya dan bahasa Melayu berunsurkan Sanskrit. Orang Patani pada waktu itu belum menganut agama apapun. Menurut Mohd. Zamberi (2006:29-30), orang Patani ketika itu menganut agama Hindu dan Buddha. Penduduk Langkasuka sudah mempunyai tamadun yang tinggi dan dapat mentadbir sebuah kerajaan yang sangat besar. Langkasuka telah menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang dikunjungi para pedagang dari India, China, Khmer, Jawa, Bugis, Parsi dan lain-lain.

Pada tahun 775 M. kerajaan Sriwijaya berjaya menakluk Nakhon Sri Thamarat dan memperluas kekuasaannya ke kerajaan Langkasuka. Kerajaan Sriwijaya telah menyebarkan agama Buddha dan bahasa Melayu di Patani diperkirakan dikembangkan oleh kerajaan Sriwijaya (Ahmad Fathi, 2001:8). Sejak itu nama Langkasuka secara perlahan hilang dan pada abad ke 14, kerajaan Sriwijaya telah mengalami kemunduran dan secara perlahan kehilangan tanah jajahannya (Hasan, 1992:638). Keruntuhan kerajaan Langkasuka dipercepat dengan proses penyebaran agama Islam di Nusantara sejak abad ke-10 hingga ke-13 Masihi (Mohd. Zamberi, 2006:53).

Kerajaan Patani bangun menjadi sebuah kuasa baharu selepas penguasaan kerajaan Sriwijaya. Raja pertama dalam kemunculan semula negara Patani dikenal sebagai Raja Seri Wangsa dan baginda beragama Buddha. Baginda kemudian diganti oleh putera baginda Raja Antira (Ibrahim, 2002:32). Apabila Raja Antira memerintah, Patani mulai didatangi oleh pedagang luar dan menjadi pusat perdagangan yang maju sehingga suatu hari Raja Antira mengalami penyakit yang sulit diubati dan tidak seorang pun yang dapat mengubatinya sehingga datang seorang pedagang dari timur tengah untuk mengubatinya dengan syarat jika sembuh Raja Antira harus memeluk agama Islam. Terbukti dengan diubati oleh pedagang tersebut Raja Antira sembuh dan memeluk Islam

sehingga Patani berubah menjadi sebuah kerajaan Melayu Islam (Mohd. Zamberi, 2006:33).

Setelah kejatuhan Melaka dan kehancuran pelabuhannya, maka pelabuhan Patani mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Melaka. Kedudukan pelabuhannya yang strategik menjadi laluan kapal-kapal dari negara barat dan timur. Patani juga menjadi pusat penyebaran Islam di Nusantara terawal. Patani menjadi pusat ilmu pengetahuan Islam telah mengundang para pelajar dari seluruh Nusantara berhimpun di Patani. Patani juga menjadi benteng pertahanan bagi negeri-negeri Melayu di semenanjung dari ancaman musuh khususnya Siam. Pada 11 Mei 1634 M, angkatan senjata Siam berjumlah 60,000 orang mencuba menyerang Patani untuk dijadikan tanah jajahannya. Patani dapat mematahkan tentera Siam dan selalu menang dalam pertempuran berikutnya selama lima kali (Mohd. Zamberi, 2006:58).

Kesultanan Melayu Patani telah mencapai puncak kegemilangannya pada zaman Ratu-Ratu (1584-1688). Pada zaman itu Patani telah muncul sebagai sebuah pusat perdagangan terpenting di Nusantara. Ijzerman, seorang pedagang Belanda (Ibrahim, 2002:73) menyatakan bahawa Patani adalah pintu masuk bagi pedagang-pedagang yang ingin berdagang di China dan sekitarnya. Pelbagai jenis barangan dilaporkan terdapat di sekitar kota pelabuhan Patani. Pernyataan ini diperkuat oleh Peter Floris (Ibrahim, 2002:38, Mohd. Zamberi, 2006:122-126)) seorang pengembara Inggeris yang berdagang di Patani antara tahun 1612-1613, beliau menulis bahawa Patani mempunyai hubungan yang baik dengan semua negeri di rantau Asia Tenggara. Kekuatan ekonomi Patani, ditambah pula dengan kestabilan politik dalam negeri telah menjadikan Patani sebagai sebuah negeri yang kuat dan dihormati oleh negara-negara tetangga termasuk kerajaan Siam sendiri. Pengaruh politik Patani telah meluas ke beberapa buah kerajaan Melayu di semenanjung tanah Melayu.

Negeri Patani yang kaya-raya telah menjadi rebutan oleh pihak Siam sehingga Siam menggunakan pelbagai cara untuk menghancurkan Patani. Namun kekuatan Patani sebagai sebuah negeri Melayu kecil tidak bertahan lama memandangkan pihak

musuh sentiasa mencari peluang untuk menghancur dan menawan Patani. Perjanjian Bangkok tahun 1909 antara Siam dengan British telah mengabsahkan bahawa Patani telah sah menjadi tanah jajahan Siam, yang pada sebelumnya (1902), hanya sekadar menjadi negeri yang dinaungi oleh Siam, sama seperti negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Dengan termeterainya Perjanjian Bangkok tahun 1909 ini, secara rasminya sistem pemerintahan Kesultanan Melayu telah dihapuskan dan Patani telah diakui oleh kuasa besar seperti British sebagai sebahagian daripada jajahan Siam walaupun tanpa kerelaan orang-orang Melayu Patani. Kemudian negara Patani dibahagikan menjadi lima wilayah seperti Pattani, Narathiwat, Yala, Songkla dan Setun (Nik Anuar:1994:22, Mohd Zamberi, 2006:139-40).

Sejak penjajahan Siam terhadap Patani, kedudukan bahasa Melayu tidak lagi sebagai bahasa rasmi masyarakat Melayu di Patani tetapi bahasa Melayu masih digunakan sebagai alat komunikasi dan pengajaran agama Islam. Keyakinan terhadap agama Islam sama dengan bahasa Melayu masih dianut oleh bangsa Patani sampai saat ini. Dengan melihat latar belakang sejarah Patani, dapat memperlihatkan hubungan masyarakat Patani, agama Islam dan bahasa Melayu tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Kedudukan Bahasa Melayu di Patani, Selatan Thai

Sejarah pendidikan Bahasa Melayu di Patani, Selatan Thai tergantung kepada suasana politik di Negara Thai. Bahasa Melayu di Negara Thai berkedudukan sebagai bahasa minoriti. Sejak abad 15 M bahasa Melayu sudah menjadi bahasa perhubungan yang penting (*lingua franca*) di Negara Thai. Negara Thai telah menggunakan bahasa Melayu dalam perdagangan dan dalam diplomasi dengan negara lain. Bahasa Melayu adalah bahasa yang digunakan di Nusantara sejak berabab-abab lamanya dan menjadi bahasa rasmi di beberapa buah negara di Nusantara. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Selain bahasa Melayu menjadi bahasa

rasmi di negara tersebut bahasa Melayu juga menjadi bahasa komunikasi di beberapa bahagian negara di Asia Tenggara seperti di Patani, Moro, Filipina dan Timor Laste.

Bahasa Melayu di negara Thai secara umumnya menjadi bahasa minoriti kerana hanya beberapa tempat yang masih menggunakan bahasa Melayu. Ada beberapa wilayah di sekitar Bangkok yang masih menggunakan bahasa Melayu dalam berkomunikasi sesama mereka seperti di **Ayuthya, Minburi, Tha'it, Klongneng, Tambon Bangpo** dan **Kloungluang Pathomthani** (Hasan, 1992:637). Manakala di Patani, Selatan Thai khususnya di lima wilayah sempadan Thai, bahasa Melayu menjadi bahasa majoriti (Worawit, 2002:28).

Bahasa Melayu di Patani menjadi bahasa Ibunda (bahasa pertama) dan menjadi bahasa majoriti. Kedudukan bahasa Melayu sebagai majoriti menjadi satu-satunya warisan peninggalan paling berharga bagi masyarakat Melayu. Bahasa Melayu di Patani berkedudukan sebagai bahasa majoriti. Bahasa Melayu memainkan peranan yang sangat penting di Patani. Bahasa Melayu sebagai alat kominikasi utama untuk mengungkapkan sesuatu pemikiran, perasaan, emosi, keperluan dan lain-lain. Bahasa Melayu merupakan alat perhubungan dalam kehidupan harian dan bahasa ini dituturkan meluas oleh semua golongan. Bahasa Melayu dituturkan oleh masyarakat biasa, pegawai kerajaan, pegawai swasta dan peniaga yang berbangsa Melayu dan bukan Melayu. Bahasa Melayu di Patani berfungsi sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan, dalam politik, dalam kesenian dan lain-lain.

Fungsi bahasa Melayu dalam bidang pendidikan adalah sebagai bahasa pengantar pengajaran agama Islam dan bahasa Melayu. Para tuan guru[3] dan guru agama menggunakan buku atau kitab dalam Bahasa Melayu Standard. Bahasa Melayu juga dijadikan media dakwah agama Kristian oleh misionaris Baratuntuk menyebarkan agama Kristian di Patani. Menurut Ahmad Omar (2002:39) terdapat 400 buah sekolah pondok yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bidang agama dan

[3] Tuan guru yang dimaksudkan oleh masyarakat Patani adalah pemilik sekolah pondok atau sekolah swasta agama Islam.

bahasa Melayu di Patani. Sekolah swasta tersebut milik penduduk tempatan, mereka menggunakan dua sistem dalam proses pengajarannya. Mereka menggunakan bahasa Melayu dalam mengajar subjek agama dan bahasa Melayu. Manakala dalam penyampaiannya, mereka menggunakan bahasa Melayu Patani dan ada beberapa sekolah menggunakan bahasa campuran antara bahasa Melayu Patani dan bahasa Thai. Sedangkan dalam pembelajaran akademik, mereka menggunakan 100 peratus buku berbahasa Thai dan menggunakan bahasa Melayu dalam menghuraikannya.

Fungsi kedua bahasa Melayu di Patani adalah sebagai bahasa politik. Sejak berlaku krisis politik di Patani, pihak kerajaan Thai telah melihat betapa penting kedudukan dan peranan bahasa Melayu bagi masyarakat Patani. Bahasa Melayu dapat menjadi wahana kedamaian di Patani. Oleh yang demikian, timbul pelbagai media massa yang menyangkut polisi kerajaan Thai di dalam bahasa Melayu baik media cetak maupun elektronik dalam bahasa Melayu.

Sejarah Pendidikan Bahasa Melayu di Patani, Selatan Thai

Sejarah pendidikan Bahasa Melayu di Patani, Selatan Thai tidak terlepas dari peranan sekolah pondok. Sekolah pondok memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar utama dalam bidang agama. Sebelum dikenal dengan nama sekolah swasta agama Islam (sekolah pondok), telah wujud institusi pendidkan yang dikenali dengan nama ‘pondok’. Pondok ialah institusi penting dalam perkembangan pendidikan, bahasa Melayu, penyebaran agama Islam dan pusat kebudayaan Melayu (Lazim, 2007:168). Institusi pondok muncul sejajar dengan kemunculan Patani sebagai pusat perkembangan dan kegiatan Islam di Asia Tenggara. Pondok diperkirakan berasal dari Patani kemudian pelajar-pelajar yang tamat pengajian di Patani membuka pondok di negara masing-masing yang berasal dari berbagai-bagai pelusuk di nusantara (Ismail Hussein, 1989:771-778).

Sejak abad 17 M hingga awal abad 20 M, Patani merupakan pusat dakwah dan pendidikan yang termasyhur di seluruh penjuru dunia. Kemasyhuran pondok di Patani mengundang para pelajar dari pelbagai negeri datang ke Patani untuk mendalami ilmu sehingga ia menjadi pusat persuratan Melayu Islam. Bukti-bukti Patani sebagai pusat persuratan Melayu terkenal dapat dilihat dengan muncul ulama-ulama berkalibar dunia, seperti Syed Daud Al-Fathoni, Syed Zainal Abidin Al-Fathoni, Syed Ahmad Al-Fathoni. Syed Daud Al-Fathoni telah menghasil 58 buah kitab dalam bahasa Arab dan Melayu. Beberapa buah kitab Syed Daud masih dipelajari di beberapa sekolah pondok baik di Patani, maupun di Malaysia. Kitab-kitab itu ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu sehingga kedudukan bahasa Melayu menjadi media yang sangat penting dalam menyampaikan huraiannya.

Penyataan itu, diperkuat oleh Mohd. Zamberi (1994:243) bahawa bahasa Melayu di Patani telah menjadi bahasa ilmu, dan berjaya meletakkan Patani sebagai pusat tamadun kesusasteraan Melayu Islam menerusi penghasilan karya kitab-kitab agama oleh para ulama. Penggunaan kitab-kitab agama itu sebagai bahan rujukan amat meluas sekali, sehingga sampai ke negara-negara timur tengah dan Afrika Utara. Pelajar yang datang belajar dan menuntut ilmu di Patani yang datang dari berbagai-bagai pelusuk dunia seperti dari Sri Lanka, Burma, Kombodia, Vietnam dan negeri-negeri Melayu di Nusantara. Pelajar yang bukan dari negeri Melayu, mereka secara langsung harus mempelajari bahasa Melayu kerana kata pengantar dalam sistem pondak dalam bahasa Melayu. (Abdullatif, 1987:266).

Setelah Patani dijajah oleh Siam, institusi pondok juga turut jatuh. Institusi pondok sebagai pusat pendidikan dan dakwah mengalami kemunduran dan kemerosatan. Kemuduran dan kemerosatan itu menyebabkan pondok-pondok bukan lagi menjadi pusat pendidikan dan dakwah yang terkenal. Pada tahun 1960-an terdapat 1000 buah sekolah pondok di seluruh Patani. Kerajaan Thai mulai masuk campur urusan pendidikan dan agama masyarakat Patani sehingga kerajaan memaksa mengajar bahasa Thai dalam semua sekolah pondok menyebabkan banyak sekolah

pondok terpaksa ditutup dan diberhentikan (Uthai Dulyakasem, 1981:63). Kerajaan Thai mulai mencurigai pondok-pondok tersebut sehingga banyak pondok ditutup. Pondok-pondok yang masih ada diwajibkan oleh kerajaan untuk mendaftar di bawah kerajaan Thai. Ada sekitar 400 buah sekolah swasta agama Islam di lima wilayah selatan Thai (Ahmad Omar, 2002:39). Pihak kerajaan membahagikan pondok kepada dua institusi. Pertama, pondok yang menerima bantuan daripda kerajaan Thai, dikenal sebagai sekolah pondok. Kedua, pondok yang hanya mendaftar sebagai institusi pondok sahaja.

Pondok-pondok itu terbahagi kepada dua sistem. Pertama, pondok masih mempertahankan sistem lama, mengajar kitab kuning dalam bahasa Arab dan Melayu. Mereka belajar di surau atau masjid dan tinggal dalam pondok kecil-kecil. Sekarang ini sistem pondok ini sudah mulai lenyap di bumi Patani dan hanya tinggal beberapa buah sahaja yang masih aktif. Kedua, adalah pondok dalam bentuk sekolah agama Islam swasta (sekolah pondok). Pondok ini merupakan perubahan daripada sistem pondok lama kepada sistem persekolahan. Bahasa Melayu merupakan alat penyampaian yang penting dalam sistem pendidikan pondok dan upacara keagamaan di Patani (Jiraphan Dema, 2008:23)

Pondok dalam bentuk sekolah ini, memberi pengajaran dan pembelajaran dalam dua bentuk, agama dan akademik. Pondok ini mendapat bantuan penuh daripada kerajaan Thai dengan syarat pondok tersebut harus mengajar akademik dalam bahasa Thai. Bahagian agama, pondok ini masih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan ada beberapa sekolah pondok mengajar agama dalam bahasa Thai atas alasan banyak pelajar tidak memahami bahasa Melayu. Bagaimanapun pondok dalam bentuk lama atau dalam bentuk sekolah masih berperanan dalam mempertahankan bahasa Melayu di Patani.

Dasar kerajaan Thai terhadap bahasa Melayu selalu berubah mengikuti arus politik semasa. Pada era permulaan Patani bersama Siam sehingga dewasa ini bahasa Melayu selalu menjadi isu hangat dan perdebatan. Pada tahun 1940-an, Phibun Songkram sebagai

perdana menteri pada masa itu, telah membangkitkan semangat nasionalisme kesiaman dengan melaksanakan dasar *Ratthaniyom Thai.* Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Phibun seperti berikut:

1. Melarang institusi pendidikan pondok mengajar dalam bahasa Melayu kerana bahasa itu bukan bahasa rasmi negara ini.
2. Menutup institusi-institusi pendidikan agama Islam yang mengajar dalam bahasa Melayu.
3. Melarang orang Melayu bercakap bahasa Melayu.
4. Memaksa orang Melayu menukarkan nama Melayu kepada nama Siam.
5. Menukarkan nama-nama kampung dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Siam di seluruh wilayah Melayu.
6. Berusaha menimbulkan kesulitan kepada orang Melayu yang bercakap Melayu apabila berurusan di pejabat-pejabat kerajaan.
7. Melarang orang-orang Melayu memakai pakaian Melayu.

Akibat dasar tersebut menyebabkan masyarakat Melayu gelisah dan kuatir atas kemusnahan identiti Melayu dan kebebasan beragama. Mereka merasa tercabar kerana dipaksa mengamalkan resam budaya barat dan Siam yang sangat bertentangan dengan kebudayaan Melayu dan ajaran Islam. Golongan tua merasa sangat gelisah kerana mereka dilarang memakai serban, kopiah ataupun melilit kain semutar di kepala, yang harus digantikan dengan penggunaan topi. Bahasa Melayu sudah menjadi bahasa rasmi sejak zaman Langkasuka, diharamkan dan ditegah digunakan di pejabat-pejabat kerajaan dan harus menggunakan bahasa Siam yang sangat asing bagi orang Patani. Semua jawatan tinggi tidak diberikan kepada orang Melayu dan kegiatan agama Islam disekat kerana agama Buddha adalah agama rasmi Negara Siam. Kemarahan kemuncuknya dengan penutupan Majlis Agama Islam di seluruh wilayah Melayu Patani (Nik Anuar dan Mohd. Zamberi, 2006:106).

Dasar Siamisasi tersebut ditentang keras oleh penduduk Patani yang diketuai oleh Haji Sulong yang terkenal dengan tujuh tuntutan

(Chalermkiat Khuntongphet, 2004:23, Nik Anuar dan Mohd. Zamberi, 2001:109). Tuntutan tujuh perkara yang menyebabkan Haji Sulong dituduh sebagai pemberontak dan dibunuh secara misteri itu adalah seperti berikut:

1. Menuntut kerajaan mengiktiraf empat wilayah selatan iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satun sebagai wilayah Melayu, dan melantik wakil kerajaan dari kalangan penduduk yang dilahirkan di empat wilayah ini dan mempunyai kuasa pentadbiran sepenuhnya.
2. Hendaklah 80% dari kalangan pegawai kerajaan yang berkhidmat di empat wilayah ini beragama Islam.
3. Bahasa Melayu dan bahasa Siam hendaklah dijadikan bahasa rasmi.
4. Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah.
5. Undang-undang Islam hendaklah diiktiraf dan dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah.
6. Kesemua hasil dan pendapatan yang diperoleh daripada keempat-empat wilayah ini hendaklah digunakan di wilayah-wilayah ini sahaja.
7. Menubuhkan sebuah badan yang mempunyai kuasa penuh untuk mengurus kesemua hal-ehwal orang Islam yang berada di bawah tanggungjawab Ketua Negeri.

Tuntutan di atas bukanlah menuntut sebuah negara merdeka tetapi untuk memperbaiki nasib bangsa Melayu yang sangat tertindas ketika itu. Pada mulanya desas-desus mengatakan antara beberapa perkara yang dituntut oleh bangsa Patani akan membuahkan kelulusan pihak berkuasa Thai kecuali tuntutan pertama yang menyentuh perlembagaan Thai ditolak. Keadaan politik di Negara Thai berubah secara tiba-tiba apabila tercetus rampasan kuasa di kota Bangkok pada tahun 1947M, sehingga selepas itu Phibun kembali berkuasa. Pada 16 Januari 1948 M, Haji Sulong dan rakan-rakan ditangkap dan dibunuh secara misteri (Mohd. Zamberi, 2006:111). Walaupun usaha untuk

mempertahankan identiti bangsa Melayu telah dilakukan tidak berjaya sepenuhnya tetapi kesan-kesan dari tuntutan tersebut telah banyak mengubah dasar politik di negara Thai khususnya berkaitan dengan bahasa Melayu.

Pada tahun 1950-an kerajaan Thailand kembali membenarkan pengajaran bahasa Melayu diajarkan di sekolah-sekolah milik kerajaan dengan mendatangkan guru-guru bahasa Melayu daripada Singapura dan Malaysia. Namun kemudiannya, pengajaran bahasa Melayu tidak lagi diajarkan di sekolah-sekolah kerajaan, sehingga guru-guru bahasa Melayu terpaksa mengajar bahasa Melayu di rumah masing-masing. Pada tahun 1960 M, kerajaan mulai masuk campur dalam urusan sekolah pondok di Patani. Kerajaan mulai memberi bantuan kewangan kepada sekolah pondok yang mendaftar tetapi dengan syarat harus memasukkan subjek yang menggunakan bahasa Siam/Thai dalam kurikulum sekolah pondok. Kerajaan bertujuan untuk melemahkan kedudukan bahasa Melayu, sebelum itu semua subjek akademik menggunakan seluruhnya dalam bahasa Melayu.

Pada tahun 1968 M, kerajaan Thai mengumumkan bahawa semua pondok yang menerima bantuan akan dikurangkan penggunaan bahasa Melayu dalam subjek akademik dan diganti dengan bahasa Thai. Pada tahun 1971 M, kerajaan mewajibkan semua sekolah pondok mendaftar di Kementerian Pendidikan Thai, jika sekolah pondok tidak mendaftar pihak kerajaan akan mengambil tindakan tegas dengan menutup sekolah tersebut secara paksa. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua subjek akademik telah hilang dan digantikan oleh bahasa Thai. Bahasa Melayu tinggal sebagai salah satu subjek agama dan sebagai bahasa pengantar subjek agama sahaja. Pada tahun 1980-an, subjek bahasa Melayu dimasukkan ke dalam beberapa sekolah kerajaan bersamaan mata pelajaran agama Islam tetapi hanya dua jam seminggu (Worawit, 1998: 187).

Setelah bahasa Melayu tidak diajarkan di sekolah rendah milik kerajaan, masyarakat Patani membuka sekolah-sekolah Melayu yang mengajarkan agama dan bahasa Melayu di surau-surau dan masjid. Sekolah Melayu tersebut dikenal sebagai sekolah Tadika.

Seterusnya bahasa Melayu diajarkan di sekolah-sekolah Tadika sebagai asas utama bagi pelajaran agama dan menyediakan buku-buku teks bertulisan Jawi dan Rumi sebagai media untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah Tadika. Manakala sekolah rendah atau sekolah dasar di wilayah selatan Thailand, pada umumnya terdiri daripada sekolah-sekolah kerajaan. Setiap warga Thailand termasuk kanak-kanak Melayu diwajibkan mengikuti pendidikan pada peringkat dasar di sekolah-sekolah tersebut iaitu dalam jangka masa enam tahun. Bahkan sekarang peringkat pendidikan wajib diperluaskan sehingga ke peringkat menengah, iaitu tempuh masa sembilan tahun. Bagi kanak-kanak Melayu, pada umumnya mereka mengikuti peringkat pendidikan dasar di sekolah rendah milik kerajaan kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di sekolah swasta agama Islam. Dengan demikian kanak-kanak di selatan Thailand berpeluang untuk belajar agama dan bahasa Melayu sebagai lanjutan daripada pendidikan agama dan bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Patani pernah menjadi sebuah negara merdeka dan telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama/bahasa rasmi dalam semua urusan kehidupan warganya. Setelah perjanjian Inggeris pada tahun 1909, secara rasmi Patani berada di bawah pemerintahan Siam (kemudian bertukar nama dengan negara Thai/Thailand). Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama bangsa Melayu Patani dalam kehidupan mereka khususnya dalam bidang pendidikan, menyebabkan pemerintahan Thai merasa curiga terhadap kedudukan bahasa Melayu. Sejarah pendidikan bahasa Melayu di Patani tergantung kepada suhu politik pemerintah Thai. Pelbagai dasar Siamisasi penduduk Melayu di Selatan Thai oleh Phibun Songkram telah dilaksanakan, namun bangsa Melayu tetap berusaha menyediakan alternatif penyelamat kepada permasalahan ini agar identiti Melayu dan Islam terus terpelihara.

Bagi pemerintah Thailand, mereka juga berusaha menghapuskan sekolah-sekolah gantian ini dengan cara

menyediakan juga sedikit pengajaran agama di sekolah kebangsaan. Manakala guru-guru yang mengajar pula bukan dari lulusan yang baik dalam bidang agama maupun bidang bahasa Melayu. Sekolah pondok dan Tadika berperanan sangat penting dalam melestarikan bahasa Melayu di Patani. Sejak berlaku krisis keamanan di Selatan Thai pada tahun 2005, kerajaan Thai mulai menitikberatkan tentang identiti bangsa Melayu Patani khususnya dalam bidang keagamaan dan bahasa. Kerajaan mulai membuka subjek agama dan bahasa Melayu di sekolah-sekolah milik kerajaan. Kerajaan telah mengambil guru-guru agama dan bahasa Melayu menjadi guru di sekolah milik kerajaan di samping penggunaan bahasa Melayu yang meluas dalam pelbagai program dan aktiviti masyarakat di SelatanThai.

RUJUKAN

Ahmad Fathi (2001). *Pengantar sejarah Fathoni*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Ahmad Omar (2002). *Politik Thai dan masyarakat Islam di selatan Thailand***.** Alor Setar: Pustaka Darussalam.

Chalermkiat Khuntongphet (2004). *Penentangan Haji Sulong Abdul Qadir terhadap Dasar Kerajaan di Empat Wilayah Selatan Thai di antara tahun 1939-1954*. Bangkok: Matichon book.

Hasan Madmarn (2001). *Pondok dan Madrasah di Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrahim Syukri (2002). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit UKM

Jiraphan Dema (2008) *Kurikulam dan Pengurus Pendidikan di dalam Wilayah Selatan Thailand*. *Kertas kerja dalam seminar Akademik Tajuk Melayu dengan Rat Thai dam pefektif Sejarah dan Tammadul dengan Cara Membina Keadilan*, Universiti Princess of Songkhla.

Mohd. Zamberi A. Malek (1994). *Patani dalam Tamadun Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Zamberi A. Malek (2006). *Pensejarahan Patani*. KL: Penerbit UM.

Muhammad Lazim Lawi (2005). *Sejarah dan Perkembangan Agama Anuti Masyarakat Melayu Patani.* Kolej Islam Jala: Pusat Kebudayaan Islam.

Nik Anuar Nik Mahmud (1999). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit UKM.

Paitoon M. Chaiyanara (2005). "Transmorfofonologisasi suprafiks: dialek Patani merentasi zaman". *Jurnal Bahasa* 5(1).

Paitoon M. Chayanara (1990). *Kata-kata Sanskrit dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi*. Tesis Ph.D. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Ruslan Uthai (2008). *Bahasa dalam Rattai: Tammadul dan Keadilan, Kertas Kerja Seminar "Melayu dengan Rat Thai dan pefektif Sejarah dan Tammadul dengan Cara Membina Keadilan"*, Universiti Princess OF Songkhla.

Worawit Baru (1990). *Pengaruh Bahasa Thai Ke Atas Dialek Melayu Patani: Kajian Kes Sosialinguistik Di Wilayah Pattani*. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Worawit Baru (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap* Bahasa Melayu di Negara Thai. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.